

UMS bakal ketuaai perkongsian strategik menerusi SHEN

UB 01.11.2024 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mengetuai Sabah Higher Education Nexus (SHEN), iaitu sebuah konsortium yang menggalakkan perkongsian strategik antara institusi pendidikan tinggi Sabah, pihak kerajaan, industri dan komuniti.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud, berkata UMS sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi dilihat paling sesuai mengetuai inisiatif berkenaan.

Katanya, SHEN akan memacu pembangunan bersama semua institusi terlibat, meningkatkan daya tahan institusi dan menyumbang kepada ekosistem pendidikan tinggi yang berinovatif dan

berdaya saing.

Beliau berkata pendekatan Nexus memungkinkan pembinaan sinergi antara pelbagai sektor dan antara institusi pendidikan tinggi.

“Hal ini bermakna institusi yang lebih kecil atau yang baru mula membina kredibiliti akan mendapat manfaat daripada pendekatan ini.

“Ia dibuat melalui inisiatif perkongsian sumber dan kepakaran dengan institusi yang lebih matang, kolaborasi inter-disiplin serta peluang pemerolehan geran penyelidikan yang lebih luas.

“Peningkatan keterlihatan dan kredibiliti, pembangunan ekonomi dan komuniti serta inovasi kurikulum. SHEN adalah sebuah inovasi pengu- rusan yang mampu memberi

nilai tambah kepada semua institusi terlibat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan *Program Leadership Forum Embracing Change: Leadership Strategies for Continuous Innovation* anjuran UMS dan Akademi Kepimpinan Tinggi Malaysia (AKEPT) di sini, baru-baru ini.

Mustapha berkata beberapa strategi dapat membantu merealisasikan inisiatif tersebut.

Ini termasuk memastikan visi yang jelas berkaitan hala tuju inovasi, mengamalkan kepimpinan yang fleksibel dan adaptif serta mengadakan libat urus pemegang taruh.

Selain itu katanya, ia mampu dilakukan melalui pemerkasaan ahli akademik dan



ALBUM: Mustapha merakamkan gambar bersama sebahagian peserta program.

pentadbir untuk berinovasi, menggalakkan pembelajaran berterusan serta membudayakan kolaborasi.

“Inovasi memainkan peranan yang penting dalam suasana persekitaran yang dinamik di mana perubahan perlu diurus dengan baik.

“Dalam industri lain, kolaborasi antara organisasi ialah salah satu inovasi pengu- rusan yang telah dibuktikan mampu meningkatkan daya saing dan daya tahan organisasi yang terlibat.

“Pendekatan yang sama mampu dilakukan oleh in-

stitusi pendidikan melalui kebersamaan dan semangat untuk sama-sama membangun, demi kelestarian dan kecemerlangan pendidikan tinggi negeri Sabah dan negara amnya,” katanya.

Program SHEN mencatatkan sebanyak 94 penyertaan

daripada 10 organisasi.

Turut hadir Pengarah AKEPT, Profesor Dr. Hars-hita Aini Haroon; Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar dan Dekan Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial UMS, Prof. Dr. Mohd Dahlan Haji Abdul Malek.